

NOTA MAKLUMAN

MENGENAI

**ADUAN TAPAK PELUPUSAN HARAM BUANGAN TERJADUAL (BT)
DI KAWASAN LAPANG TERBIAR BERDEKATAN TAMAN TRONOH
IMPIAN, TRONOH, PERAK**

PADA

4 DISEMBER 2025

TUJUAN

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkenaan perkara di atas.

LATAR BELAKANG

2. Jabatan Alam Sekitar telah menerima aduan berkaitan tapak pelupusan haram yang disyaki Buangan Terjadual (BT) daripada YB. Exco Sains, Alam Sekitar & Teknologi Hijau, Perak pada jam 3.00 petang, 4 Disember 2025.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar

3. Siasatan dilakukan di kawasan lapang terbiar yang dikelilingi lombong pada hari yang sama aduan diterima.

4. Pemeriksaan mendapati terdapat satu (1) longgokan buangan pelbagai warna berkeluasan lebih kurang 2.5 meter x 10 meter yang disyaki Buangan Terjadual (*sludge*). Jarak longgokan tersebut dengan lombong adalah lebih kurang 10 meter.
5. Jumbo beg yang ditemui telah dipotong menyebabkan buangan terkeluar ke atas tanah, label Buangan Terjadual (BT) telah mereput dan dicat untuk mengelak maklumat buangan dikesan. Siasatan mendapati tiada kesan air dari tapak pelupusan tersebut memasuki lombong berhampiran.
6. Ciri-ciri fizikal buangan adalah seakan-akan buangan yang dikesan dilupuskan secara haram di Taman Tronoh Baru pada 9 November 2025 yang terletak lebih kurang 2.2 kilometer dari Taman Tronoh Impian.
7. Modus operandi adalah sama seperti buangan yang dijumpai di Taman Tronoh Baru pada 9 November 2025 iaitu label pada jumbo beg telah dicat untuk mengelak maklumat buangan dikesan.

Tindakan Jabatan Alam Sekitar

8. Semakan menggunakan website 'MyLot' Jupem mendapati lokasi tersebut berada di atas LOT 339283.
9. Kawasan kejadian telah dikondon dan laporan Polis telah dilakukan untuk bantuan pemantauan dan memastikan keselamatan bahan bukti di lokasi buangan.
10. Sampel buangan telah diambil untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia.

SYOR

11. Pemantauan akan dijalankan dari semasa ke semasa ke kawasan kejadian pelupusan buangan yang disyaki Buangan Terjadual untuk memastikan bahan bukti tidak diganggu.

12. JAS akan mendapatkan status pemilikan lot tapak pelupusan tersebut untuk tindakan lanjut.

13. Kertas siasatan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) akan disediakan bagi kes ini.

PENUTUP


14. Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.

JABATAN ALAM SEKITAR

5 Disember 2025



Gambar 1: Semakan *Google Map* menunjukkan jarak lokasi tapak pelupusan haram dengan Taman Impian lebih kurang 218 meter



Gambar 2: Jarak lokasi aduan dengan lokasi buangan yang dijumpai pada 9 November 2025 adalah lebih kurang 2.2 kilometer





Gambar 3 - 5: Keadaan buangan yang disyaki Buangan Terjadual di tapak pelupusan





Gambar 6 & 7: Lokasi kejadian telah dikondon untuk mengelak pencerobohan







Gambar 8 – 11: Persampelan buangan untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia